

# 'Berlari di bawah KL' dalam terowong SMART Mac ini

KUALA LUMPUR 7 Jan. - Orang ramai berpeluang menikmati pengalaman pertama berada di dalam terowong pintar SMART di sini pada Mac ini dengan menyertai satu larian amal sempena Tahun Melawat Malaysia (TMM) 2007.

Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Datuk Ir. Keizrul Abdullah berkata, larian yang akan diadakan dengan kerjasama Kesatuan Amatur Olahraga Wilayah Persekutuan itu membabitkan bahagian tengah terowong sepanjang 10 kilometer itu.

"Kita hanya menggunakan bahagian yang mempunyai dwifungsi iaitu untuk pergerakan lalu lintas dan laluan air.

"Perancangan giat dijalankan bagi membolehkan rakyat negara ini merasai pengalaman 'berlari di bawah Kuala Lumpur,'" katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Keizrul berkata, mengikut perancangan, larian tersebut akan bermula di Jalan Tun Razak menghala ke Sungai Besi

sebelum kembali ke garisan permulaan.

Beliau menambah, larian berkenaan turut dianjurkan bagi menyemarakkan lagi sambutan TMM 2007.

Projek Terowong Jalan dan Pengurusan Air Banjir (SMART) yang dibina pada November 2002 bertujuan menangani masalah banjir kilat di ibu negara.

Selain itu, ia juga berfungsi sebagai laluan alternatif penyuraian trafik di ibu negara.

Mengenai perkembangan projek berkenaan, Keizrul berkata, projek bernilai RM2 bilion itu telah 92 peratus siap.

Katanya, pembinaan terowong hanya tinggal satu kilometer membabitkan laluan ke Kampung Berembang di Ampang.

Beliau berkata, pada Mac ini pihaknya merancang untuk membuka laluan kenderaan di bahagian tengah terowong berkenaan.

"Kita yakin menjelang Jun tahun ini terowong berkenaan siap sepenuhnya," kata Keizrul.